



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA
PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA

Blok C1 - C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-88853001
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan Kami : JPA.BK(S)328/3/2-1 Jld. 8(31)
Tarikh : 16 Julai 2020

Seperti Senarai Edaran

YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan,

URUSAN PEMANGKUAN BERASASKAN KRITERIA KECEMERLANGAN BAGI SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL DAN PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL, PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN BAGI TEMPOH JULAI HINGGA DISEMBER TAHUN 2020

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam proses persediaan urusan Pemangkuan Berasaskan Kriteria Kecemerlangan bagi skim perkhidmatan Pegawai Latihan Vokasional (PLV) dan Penolong Pegawai Latihan Vokasional (PPLV) tempoh Julai hingga Disember tahun 2020. Sehubungan itu, pegawai PLV dan PPLV yang telah memenuhi syarat yang ditetapkan adalah dipelawa untuk mengemukakan permohonan mengikut urusan berikut:

- i. Pemangkuan dari Gred DV52 ke Gred DV54;
- ii. Pemangkuan dari Gred DV48 ke Gred DV52;
- iii. Pemangkuan dari Gred DV44 ke Gred DV48;
- iv. Pemangkuan dari Gred DV38 ke Gred DV40;
- v. Pemangkuan dari Gred DV36 ke Gred DV38; dan
- vi. Pemangkuan dari Gred DV29/30 ke Gred DV36.

3. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr. / tuan/ puan, syarat-syarat permohonan, prosedur dan borang permohonan adalah seperti di **Lampiran 1, Lampiran A, Lampiran B, Lampiran C, Borang 1A, Borang 2A dan Borang 3A**. Pegawai yang berminat untuk memohon pemangkuan ini **dikehendaki untuk menyediakan dokumen pembuktian** seperti yang ditetapkan dalam **Garis Panduan Kenaikan Pangkat Berasaskan Kriteria Kecemerlangan Skim Perkhidmatan Pegawai Latihan Vokasional dan Penolong Pegawai Latihan Vokasional**. Garis Panduan tersebut boleh dirujuk dan dimuat turun di laman web Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia di www.dsd.gov.my.



4. Semua permohonan yang telah dinilai dan dilengkapkan di peringkat Ketua Jabatan hendaklah dikemukakan kepada Urus Setia Jawatankuasa Penilaian Kecemerlangan (JKPK) di Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia (JPK, KSM) melalui Pengurusan Sumber Manusia Jabatan/ Agensi pada atau sebelum **2 November 2020 (Isnin)**.

5. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ tuan/ puan untuk membuat hebahan kepada pegawai yang berkenaan di bawah Kementerian/ Jabatan/ Agensi tadbiran YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ tuan/ puan amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“PENERAJU PEMBAHARUAN, PENGGERAK PERUBAHAN”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(KAMAL BADRIN BIN HASSAN)

Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama

Bahagian Perkhidmatan

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA.

☎ : 03-8885 4022

✉ : kamal.hassan@jpa.gov.my

Senarai Edaran:

1. **YBhg. Dato' Jamil bin Rakon**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Manusia
Aras 9, Blok D9, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

2. **YBhg. Dato' Zainal Azman bin Abu Seman**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
Aras 15, Menara 4G1, Wisma Tani
No. 28, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA

3. **YBrs. Dr. Waitchalla R.R.V. Suppiah**
Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan
Aras 15, Menara KBS
No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 PUTRAJAYA

4. **YBhg. Dato' Junaidah binti Kamarruddin**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 36, No. 55, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA

5. **YBhg. Datuk Wan Ahmad Dahlan Bin Hj. Ab. Aziz**
Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri
Aras 12, Blok D1, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 PUTRAJAYA

6. **PBU**